

02/04/1998

Ambil iktibar daripada pemilihan

Manja

AHAD lalu selesailah sudah semua 165 bahagian Umno di seluruh negara mengadakan pemilihan perwakilan masing-masing. Daripada jumlah itu, hanya 20 bahagian menyaksikan perubahan pucuk pimpinan, sama ada kerana diberi laluan dengan menang tanpa bertanding atau selepas pertandingan yang agak sengit terutama daripada timbalan, naib atau ketua pergerakan Pemuda bahagian berkenaan. Hanya Perak, Pahang, Terengganu dan Perlis yang menyaksikan semua penyandang jawatan mengekalkan kerusi ketua bahagian, sebahagian daripadanya selepas menerima tentangan yang agak sengit. Di Kelantan, kecuali Gua Musang dan Tumpat yang memberi laluan kepada Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Kamaruddin Jaafar, ketua bahagian lain tidak dicabar, selaras dengan arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu.

Kedah menyaksikan perubahan pucuk pimpinan di dua bahagian selepas jawatan itu dipertandingkan, manakala daripada lima bahagian di Johor yang mendapat ketua baru, dua daripadanya kerana penyandang jawatan ditewaskan. Tiga bahagian lagi di Johor menyaksikan calon diberi laluan tanpa dicabar. Sabah pula menyaksikan seorang ketua bahagian tewas, Melaka mendapat tiga ketua bahagian baru, dua di negeri Sembilan, satu di Selangor, empat di Wilayah Persekutuan dan dua di Pulau Pinang. Salah satu faktor bahawa ramai ketua bahagian berjaya mengekalkan jawatan tanpa dicabar ialah keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno agar ketua bahagian yang menjadi ahli MT tidak ditandingi, manakala anggota MT yang bukan ketua bahagian juga tidak boleh bertanding bagi jawatan itu. Keadaan mungkin berbeza jika MT tidak membuat keputusan sedemikian.

Memang apa yang berlaku dalam tempoh 17 hari sehingga 29 Mac lalu, yang diperuntukkan kepada semua bahagian Umno mengadakan pemilihan perwakilan mereka, membuktikan demokrasi masih wujud dalam parti itu. Kecuali di Kelantan, boleh dikatakan separuh ketua bahagian di negeri lain menghadapi cabaran. Perubahan juga berlaku bagi jawatan lain seperti timbalan dan naib ketua bahagian serta ketua Pemuda dan Wanita. Bagaimanapun, tempoh itu juga, serta beberapa perkembangan sejak kempen pemilihan peringkat cawangan lagi, turut memperlihatkan satu kejelikan ketara dalam Umno iaitu politik wang. Laporan mengenai kehadiran Badan Pencegah Rasuah (BPR) di mesyuarat perwakilan Umno termasuk beberapa orang yang ditahan untuk disoal siasat, mengukuhkan anggapan umum bahawa politik wang, yang mula menjangkiti Umno, masih sukar dihapuskan.

Pembabitian BPR, dengan pegawai dan kakitangan yang terhad, hanya boleh mengurangkan pembelian undi secara terbuka, tetapi tidak mungkin dapat menghapuskan politik wang dalam Umno dalam tempoh yang singkat. Seorang rakan yang bertanding merebut kerusi ahli jawatankuasa bahagian, misalnya, memberitahu, beliau mengeluarkan RM20,000 tetapi sempat berbelanja RM2,000 kerana kehadiran beberapa pegawai BPR. Rakan itu mungkin tidak berniat membeli undi sebaliknya hanya belanja makan, penginapan atau meraikan perwakilan dari cawangan. Bagaimanapun, jika untuk merebut kerusi ahli jawatankuasa bahagian, seorang calon memperuntukkan RM20,000, kiralah berapa jawatan yang direbut dalam 165 bahagian dan congaklah secara kasar jumlahnya.

Dr Mahathir, selaku Presiden Umno, sudah lama menyedari perkara ini. Itulah sebabnya minggu lalu, beliau terpaksa mengeluarkan kenyataan yang agak pahit untuk ditelan oleh ahli Umno - rakyat bukan ahli parti sudah memandang jijik kepada Umno kerana politik wang. Justeru, beliau memberi

amaran Umno akan tewas dalam pilihan raya umum jika rasa jijik bukan ahli terhadap parti itu tidak dapat dihapuskan menjelang pilihan raya. Sebenarnya rasa geli kebanyakan rakyat terhadap sesetengah pemimpin Umno bukan setakat politik wang semata-mata tetapi juga kerana tingkah laku dan matlamat mereka menyertai Umno, jika tindakan sesetengah mereka boleh dijadikan ukuran. Tentulah bukan berjuang untuk bangsa dan negara namanya, jika mereka bukan sahaja tidak berbaik dengan bukan ahli, malah turut memusuhi ahli sendiri yang dianggap bukan kelompok mereka. Seperti yang pernah ditimbulkan sebelum ini, perbalahan antara kelompok dalam Umno di peringkat cawangan dan bahagian mengalahkan permusuhan dengan parti lawan.

Dengan berakhirnya pemilihan bahagian Ahad lalu, redalah intrigue dalam Umno. Larangan supaya yang menang tidak meraikan kemenangan sekurang-kurangnya mengendurkan ketegangan antara yang menang dan yang tewas. Sesungguhnya banyak yang boleh dijadikan iktibar daripada pemilihan perwakilan bahagian Umno kali ini. Yang menang percuma tidak semestinya boleh mendabik dada, manakala yang kalah tidak harus berputus asa. Yang mengekalkan jawatan selepas saingan sengit pula seharusnya mengkaji kenapa kepemimpinan mereka dicabar sebegitu rupa. Yang mendapat sokongan kerana menabur wang, harus malu kepada ahli parti kerana orang seperti merekalah yang menyebabkan Umno dipandang jijik.

(END)